



## **IKLAN JAWATAN KOSONG PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN PULAU PINANG**

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang seperti berikut:

### **(A) PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

1. (i) **Jawatan** : Pekerja Sambilan Harian (PSH) - Gred 17  
(ii) **Klasifikasi** : Pentadbiran dan Sokongan
  
2. **Kadar Upah** : RM54.00 sehari
  
3. **Tempoh Perkhidmatan** : Tidak melebihi tiga (3) bulan mulai tarikh lantikan
  
4. **Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur antara 18 hingga 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - d) Memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM); dan
  - e) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

4. **Taraf Jawatan** : Sambilan

5. **Penaklukan di bawah Syarat-Syarat Perkhidmatan:**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan, peraturan atau arahan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

6. **Cara Memohon:**

- a) Permohonan boleh dibuat emel atau serahan tangan dengan mengemukakan **Borang Permohonan, resume dan dokumen sokongan** yang lengkap ke Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang.
- b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan **sekeping gambar terbaru berukuran pasport, salinan Sijil Kelahiran, Salinan Kad Pengenalan dan Salinan-salinan Sijil Persekolahan** yang telah disahkan.

7. **Permohonan Yang Ditolak:**

- a) Tidak mengemukakan Borang Permohonan, *resume* atau dokumen yang lengkap kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang;
- b) Tidak disertakan dengan gambar yang ditetapkan;
- c) Tidak disertakan dengan salinan dokumen yang diperlukan;
- d) Maklumat yang disertakan tidak lengkap dan tidak jelas;
- e) Tidak memenuhi mana-mana syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam iklan; dan
- f) Tidak menandatangani Borang Permohonan.

**8. Alamat Permohonan dan Tarikh Tutup:**

- a) Permohonan di atas hendaklah disampaikan kepada:

**Pengarah,  
Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan  
Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)  
Tingkat 11 & 15, Menara Boustead  
No. 39, Jalan Sultan Ahmad Shah  
10050 Pulau Pinang**

- b) Tarikh Tutup Iklan: **31 Julai 2016**

**9. Catatan Am**

- a) Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- b) Pemohon - pemohon yang tidak menerima maklum balas selepas dua (2) minggu dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temuduga ini.